

KTPK 18/4/2.01 Jld. 3 / (37)

Ibu Pejabat  
Jabatan Ukur Dan Pemetaan  
Jalan Semarak  
50578 Kuala Lumpur

24 Ogos, 1990

**PEK. KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.1/1990**  
**:: Penyimpanan Dan Penjualan Peta-Peta Tidak Terhad Terbitan Jabatan**  
**Di Setiap Jabatan Ukur Dan Pemetaan Negeri ::**

**1. Tujuan**

Pekeliling ini bertujuan membenarkan Pengarah-Pengarah Ukur Negeri menyimpan dan menjual semua jenis peta tidak terhad terbitan Direktorat Pemetaan Negara di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri masing-masing ke arah meningkatkan perkhidmatan Jabatan dari aspek pendidikan dan penyaluran serta penyebaran maklumat geografi kepada masyarakat.

**2. Latarbelakang**

- 2.1 Sehingga kini penjualan semua jenis peta tidak terhad terbitan Direktorat Pemetaan Negara diuruskan oleh Seksyen Penyelidikan Peta, Bahagian Pemetaan, Jabatan Ukur dan Pemetaan di Kuala Lumpur. Manakala Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri hanya menyimpan dan menjual peta-peta bagi kawasan yang meliputi negeri masing-masing.
- 2.2 Amalan semasa telah menimbulkan kesulitan kepada pengguna-pengguna peta sesebuah negeri kerana terpaksa berurusan dengan Jabatan Ukur dan Pemetaan di Kuala Lumpur bagi mendapatkan peta-peta di luar kawasan negeri masing-masing.

**3. Jenis Peta**

Peta-peta jenis tidak terhad yang terdapat di Jabatan Ukur dan Pemetaan disenaraikan dalam **Lampiran A** kepada surat pekeliling ini dan juga termasuk peta-peta yang akan diterbitkan dari masa ke masa. Untuk tujuan ini rujukan boleh dibuat kepada Katalog Peta PPNM No : 2 dalam simpanan pejabat tuan.

#### **4. Lain-lain**

##### **4.1 Penstoran**

Semua Pengarah Ukur Negeri adalah diminta supaya mengadakan tempat penstoran yang secukupnya dan sesuai untuk menyimpan stok peta ini. Seperti tuan-tuan sedia maklum stok peta mempunyai nilai kewangan dan penjualannya merupakan hasil kerajaan.

##### **4.2. Promosi**

Semua Pengarah Ukur Negeri adalah diminta supaya mengadakan promosi dari masa ke masa untuk memberitahu kepada semua Jabatan/Agenzi Kerajaan di peringkat negeri dan kepada pihak umum mengenai peta-peta yang boleh didapati dan yang baharu diterbitkan.

##### **4.3 Pamiran**

Ruang perlu disediakan di Jabatan bagi mempamirkan peta-peta tidak terhad untuk memaklumkan kepada umum tentang pelbagai jenis peta yang dapat dibeli daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan.

#### **5. Tarikh Kuatkuasa**

Pekeliling ini hendaklah dikuatkuasakan mulai tarikh pengeluarannya.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"CINTAILAH BAHASA KITA"**

**(ABDUL MAJID BIN MOHAMED, JSM, SMP.)**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia.

##### **Edaran:**

Semua Pengarah Ukur Negeri  
Pengarah Ukur Topografi Sabah  
Pengarah Ukur Topografi Sarawak

##### **Salinan Kepada :**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Pengarah Ukur Pemetaan  
Pengarah Ukur Kadaster  
Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan  
Timbalan Pengarah Ukur Kadaster  
Timbalan Pengarah Ukur Kadaster (Unit Khas)  
Ketua Pegawai Penyelidik Peta

